



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 2/2018 (PENGAL 2018/2020)
21 OGOS 2018 (9 ZULHIJAH 1439H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dikehadapkan.

2. PENYEDIAAN BAJET 2019 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Secara dasarnya, Majlis telah menyediakan draf Bajet 2019 dengan anggaran defisit bajet 2019 berjumlah RM 39.792 juta bersamaan dengan 10.10%. Bagi bajet 2019, Majlis memutuskan untuk mengurangkan defisit bajet daripada 16.31% pada tahun 2018. Ini kerana, Majlis perlu memastikan pengurusan kewangan Majlis sentiasa berada di dalam keadaan yang baik. Majlis juga perlu memastikan

rezab tunai yang dimiliki tidak digunakan kesemua untuk perbelanjaan pembangunan, sebaliknya perlu ada nilai yang kukuh sekiranya Majlis perlu membayar apa-apa liabiliti luar jangkaan (tindakan mahkamah) yang akan dikenakan ke atas Majlis.

Secara kasarnya, bagi mengurangkan perbelanjaan tahun 2019, Majlis akan menghadkan perbelanjaan pembangunan. Walaubagaimanapun Majlis telah memutuskan mana-mana perbelanjaan pembangunan yang penting akan ditampung oleh peruntukan di Akaun Amanah. Oleh itu, projek pembangunan di Majlis akan berjalan seperti biasa dengan menggunakan peruntukan daripada Majlis atau Akaun Amanah. Untuk makluman, perbelanjaan Majlis pada tahun 2017 yang melibatkan peruntukan Majlis dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM528.51 juta yang mana peruntukan daripada Akaun Amanah berjumlah RM89.69 juta bersamaan 16.97 peratus.

Sebelum Bajet 2019 ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Khas (Bajet 2019) dan juga Mesyuarat Majlis Khas (Bajet 2019), draf bajet ini akan dibentangkan secara terperinci kepada semua Ahli Majlis. Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap akan memaklumkan kepada Ahli Majlis perancangan projek atau kerja-kerja infrastruktur yang akan dilaksanakan pada tahun 2019.

3. FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2018

Pertandingan Pameran Taman sempena Festival Floria Diraja Putrajaya ini merupakan program susulan hasil daripada kejayaan penganjuran LAMAN 2004 dan LAMAN 2006 yang diadakan secara dwi tahunan di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bermula tahun 2009 hingga kini, acara ini telah dijadikan aktiviti tahunan oleh Perbadanan Putrajaya dan melibatkan penyertaan peserta-peserta dalam industri landskap tempatan dan antarabangsa. Oleh yang demikian, penyertaan Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam program ini dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada kakitangan selain membawa nama Majlis ke pertandingan bertaraf antarabangsa. Selain daripada pameran landskap tropika, penjualan bahan tanaman dan pameran produk-produk berkaitan industri landskap juga akan diketengakan sebagai daya tarikan pengunjung ke festival ini.

Jika dilihat kembali, kejayaan Majlis dalam menyertai pertandingan ini wajar dipuji. Ini kerana, Majlis berjaya memenangi **Anugerah Laman Merit Award 2004** pada 17 Julai 2004, **Anugerah Laman Merit Award 2006** pada 6 Julai 2006, **Anugerah President's Garden Award** pada 30 Mei 2015 dan memenangi dua anugerah iaitu **Anugerah Royal Floria Garden Award (Bronze)** dan **Anugerah Royal Floria Garden Starlight Award (Bronze)** pada 27 Mei 2016.

Bagi tahun 2018, pihak penganjur telah memilih tema khas “10 Kegemilangan FLORIA” (*10 Wonders of FLORIA*) bersempena ulang tahun ke-10 Floria Diraja Putrajaya. Sehubungan dengan itu, kesemua jenis bunga yang pernah menjadi tema seperti Bunga Raya, Orkid, Heliconia, Ros, Bunga Kertas, Begonia, Liliy dan Kekwa semenjak 10 tahun akan dipamerkan menerusi penganjuran Floria pada kali ini.

Pada tahun ini, MBPJ telah dijemput untuk menyertai pertandingan Festival Floria Diraja Putrajaya Ke-10 yang akan diadakan di Anjung Floria Presint 4, Putrajaya pada 25 Ogos – 2 September 2018. Konsep “Cavalcade of Color” (Perarakan Berwarna) telah diterapkan di dalam reka bentuk taman yang dipertandingkan.

Taman ini merupakan manifestasi inisiatif Majlis dalam mengadaptasi dan mempromosikan pertanian bandar di bandar raya Petaling Jaya. Ia dijalankan melalui dua pendekatan saintifik: menanam sayuran melalui kaedah "hidroponik", dan menternak ikan melalui kaedah "akuakultur". Gabungan kedua-dua kaedah ini dipanggil **Agrobandar@PJ**.

Taman ini juga mempunyai tumbuhan tempatan yang disusun dengan bunga-bunga yang telah digunakan sebagai tema FLORIA, di mana pengunjung akan berasa disambut dengan pelbagai warna bunga. Keunikan taman ini akan diremajakan dengan koleksi kreatif arca yang direka menggunakan bahan kitar semula seperti botol plastik, batang kayu dan besi sebagai karya seni.

4. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA MENERIMA ANUGERAH MSOSH OSH SILVER AWARD 2017

Pada 9 Ogos 2018 yang lalu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima pengiktirafan **MSOSH OSH Silver Award Winner for 2017** daripada Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) dan seterusnya menjadi PBT pertama di Malaysia yang telah menerima anugerah ini bagi kategori "**Public Sector & Statutory Bodies**".

MSOSH OSH Award ini telah diwujudkan sejak 37 tahun yang lalu dan sepanjang penganjuran selama 37 tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan PBT pertama di Malaysia yang menyertainya.

Bukan mudah untuk sesebuah PBT melaksanakan OSHE memandangkan skop kawasan pentadbiran Majlis yang luas dan bidang tugas yang melibatkan hubungan pelbagai pihak. Pada masa ini, budaya OSHE juga kurang dilaksanakan di sektor kerajaan jika dibandingkan dengan sektor swasta.

MSOSH OSH Award mempunyai standard penilaian yang sangat tinggi yang didasarkan kepada prosedur dan piawaian di dalam sektor minyak dan gas. Kejayaan yang diraih oleh Majlis ini sangat memberangsangkan kerana Majlis baru setahun mendapat pensijilan OHSAS 18001 pada bulan September 2017 yang lalu.

Selaku Datuk Bandar, saya sangat bangga dan gembira di atas pencapaian ini. Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja OSHE Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Puan Hajah Sharipah Marhaini Bte Syed Ali di atas komitmen beliau dan pasukan beliau dalam melaksanakannya. Saya juga menyeru agar semua warga MBPJ dan Petaling Jaya supaya bersama-sama menggembeling tenaga, berusaha dan bertekad untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat di MBPJ serta membudayakan amalan bekerja dengan selamat di kalangan kakitangan dan kontraktor MBPJ. Semoga pencapaian pada tahun ini akan mencetuskan aspirasi untuk kita mencapai tahap yang lebih tinggi sama ada Gold 2 Award atau Gold 1 Award pada tahun hadapan.

5. PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 ISMS

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya memperolehi pensijilan **ISO/IEC 27001:2013 ISMS** (Information Security Management System) dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 22 Oktober 2015 lalu di atas kejayaan dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan bagi Maklumat Elektronik Cukai Taksiran. Tempoh tamat sijil akan berakhir pada 21 Oktober 2018.

Pada tahun ini merupakan tahun Pengauditan Pensijilan Semula ISMS yang akan dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 27 dan 28 Ogos 2018 bagi memastikan objektif pelaksanaan

ISMS tercapai, mematuhi polisi dan prosedur yang telah dibangunkan dan memastikan kecukupan dokumen.

Saya berharap penglibatan semua pihak perlu berterusan bagi memastikan objektif keselamatan ICT tercapai serta dapat memperkukuhkan perlindungan maklumat dalam aset ICT berteraskan prinsip-prinsip kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan. Dengan

kerjasama dan usaha berterusan daripada semua pihak, diharap Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus mengekalkan pensijilan semula ISO/IEC 27001:2013 pada tahun ini.

6. KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN DI PETALING JAYA

6.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi mingguan yang dilaporkan dari 5 hingga 11 Ogos 2018 (minggu epid ke 32/2018) adalah sebanyak **133 kes**. Jumlah ini menunjukkan **peningkatan** kes sebanyak **23 peratus** berbanding kes pada minggu epid 31/2018 dengan jumlah **108 kes**. Purata kes mingguan adalah sejumlah 60 kes seminggu.

Keseluruhan kumulatif kes demam denggi bagi tahun 2018 mencatatkan sejumlah **1,931 kes**. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak **23 peratus** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017, iaitu sejumlah **2,519 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 32 berakhir pada 11 Ogos 2018 adalah **60 lokaliti wabak** seperti berikut:

LOKALITI WABAK	JUMLAH WABAK YANG DILAPORKAN PADA 11 OGOS 2018
Wabak Baru (WB)	3
Wabak Terkawal (WT)	38
Wabak Tidak Terkawal (WTK)	9
Hotspot (HS)	10
JUMLAH LOKALITI WABAK	60

Jumlah bilangan kes denggi mengikut zon DUN tahun 2018 sehingga minggu epid 32 adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH PENDUDUK	BIL. KES	KADAR INSIDEN /100000
1.	BUKIT LANJAN	193,454	364	188
2.	KOTA DAMANSARA	140,960	383	272
3.	SERI SETIA	98,594	457	464
4.	TAMAN MEDAN	92,710	204	220
5.	DAMANSARA UTAMA	73,859	203	275
6.	BUKIT GASING	75,109	216	288
7.	KAMPUNG TUNKU	38,314	104	271

Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 11/8/2018)

Bil	Senarai Nama Lokaliti Wabak	Jumlah Kes Terkini	Wabak Di JangkaTamat
1	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERA KONDO	41	16/8/2018
2	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERI KONDO	62	24/8/2018
3	SRI PJS 5 FLAT DESA MENTARI : BLOK 7 & 8	7	19/8/2018
4	SRI PJS 8 MENTARI COURT	21	22/8/2018
5	TM PJS 2C APT MEDAN CAHAYA (BLOK A-H)	8	20/8/2018
6	KD PJU 1A ARA DAMANSARA TERES G : JLN 43-43H, 51-51B	12	24/8/2018
7	KD PJU 5 SEKSYEN 6 GUGUSAN TANJUNG	5	13/8/2018
8	KT SS 3 TERES B	8	23/8/2018
9	BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 1 (BLOK A,B)	12	16/8/2018
10	BL PJU 10 INDAH KONDO	17	18/8/2018
JUMLAH		193	

6.2 KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran komited memantau aspek kebersihan dengan melakukan penggeredan premis makanan di sekitar Petaling Jaya. Berikut adalah maklumat sehingga bulan Julai 2018.

Aspek pemantauan adalah melalui penggeredan premis. Setakat ini, penggeredan premis yang dilakukan adalah sebanyak 550. Pecahan gred premis seperti berikut :

Bil	Kategori Penggeredan Premis	Jumlah
1	A	278
2	B	182
3	C	90
JUMLAH		550

Seterusnya, tindakan penguatkuasaan lain yang dilakukan adalah mengeluarkan notis, kompaun, penutupan premis dan tindakan mahkamah. Berikut adalah pecahan tindakan-tindakan yang dibuat mengikut bilangan.

Bil	Perkara	Jumlah
1	Notis	278
2	Kompaun	1002
3	Penutupan Premis	126
4	Tindakan Mahkamah	1

6.3 PROGRAM SEDAR

Pasukan SEDAR, masih aktif lagi dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak **221 pasukan SEDAR** telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 153 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 53 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)

7. SAYANGI MALAYSIAKU

Masyarakat dalam sesebuah negara, sememangnya mengharapkan suasana aman, damai, harmoni, selamat, sejahtera dan maju dalam menjalani aspek kehidupan. Namun, kehidupan yang sejahtera tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan dan usaha gigih ke arah

mewujudkan dan mengekalkan suasana tersebut sehinggalah berterusan hingga ke generasi akan datang.

Kesejahteraan negara tidak akan tercapai sepenuhnya jika aspek kesatuan tidak dijaga dan dimantapkan dengan baik. Usaha untuk memupuk kesatuan ummah dan membentuk masyarakat majmuk boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti menghayati dan menekuni rukun negara dengan baik, menghayati konsep kepimpinan yang diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus mengikut peraturan yang ditetapkan. Ia juga dapat dimantapkan apabila pemimpin dan masyarakat berperanan dalam mengamalkan dan mewujudkan keadilan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakangkan pelbagai kaum, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah punca kuasa dan rujukan utama dalam usaha menjamin kesejahteraan dalam kehidupan.

Pendekatan yang mantap digunakan sebagai saluran dalam pentadbiran negara telah berjaya menghasilkan suasana perpaduan, saling menghormati dan bertoleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Natiujahnya, kesejahteraan hidup terpelihara, semangat patriotisme rakyat meningkat serta imej keselamatan dan keamanan negara dapat diperkasakan.

Generasi muda di negara ini perlu dibentuk dan dididik dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta berkepakaran tinggi agar mereka dapat menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju setanding dengan negara-negara maju di dunia ini. Kepelbagaian bangsa, sosial, agama dan adat resam merupakan suatu keunikan dan hikmah terbesar kepada manusia. Kepelbagaian ini membolehkan manusia mempelajari

dan mengenali antara satu sama lain serta mengambil manfaat daripadanya.

Penetapan **Sayangi Malaysiaku** sebagai tema bagi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah bagi menunjukkan bahawa betapa pentingnya rakyat Malaysia untuk saling memahami dan hormat menghormati serta bersatu padu untuk menentukan masa depan Negara agar lebih gemilang, stabil, dan aman damai.

Justeru marilah bersama-sama membina bangsa dan negara kita dengan penuh perasaan kasih sayang, hormat-menghormati dan menjunjung tatasusila serta adab yang luhur sesuai dengan adab ketimuran yang penuh dengan kesantunannya. Buang yang keruh, ambil yang jernih dan tekad untuk menapak maju ke hadapan dalam membina negara yang disifatkan ***Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur*** (negeri yang baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun).

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha dan Selamat Hari Kebangsaan kepada semua. Diharap, kedua-dua sambutan ini memberi erti makna yang besar buat kita semua dalam menghayati pengorbanan dan menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Sekian, terima kasih.